

Ismail tinjau persiapan pengundian MPP

UB 6.11.2014 A8

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Ismail Ali meninjau persiapan proses pengundian Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2014/2015 di UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Pengundian MPP UMSKAL akan diadakan pada Jumaat ini di Bilik Sri Menanti dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang.

Beliau berharap semua AJK yang dilantik dapat menjalankan tugas yang diamanahkan bagi melancarkan proses pengundian berkenaan.

Ismail juga berharap pelajar UMSKAL akan turun mengundi beramai-ramai bukan sahaja untuk kemenangan calon pilihan mereka tetapi juga menaikkan peratus keluar mengundi.

Terdahulu, beliau mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP di Bilik Seminar yang turut dihadiri Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalannya Prof Madya Dr Goffrey Harvey Tanakinjal serta Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL Mas Adi Alimin.



ISMAIL (dua kanan) meninjau persiapan proses pengundian Majlis Perwakilan Pelajar di UMS Labuan.